

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ JERANTUT ]**

**TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 31**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan projek-projek utama yang dijalankan gagal disiapkan walaupun penangguhan tarikh siap telah ditunda, agar dapat disiapkan dengan segera demi memberi faedah untuk rakyat.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sentiasa memberikan perhatian yang serius dan senantiasa mengadakan pemantauan terhadap pelaksanaan projek-projek supaya bukan sahaja siap pada masa yang ditentukan tetapi juga memenuhi spesifikasi projek sepertimana yang ditetapkan.

Projek-projek yang dikategorikan sebagai projek sakit yang mana mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu, projek tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) untuk keputusan :-

- i) bagi projek sakit yang dikenal pasti kontraktornya masih berupaya menyiapkan kerja, Kementerian akan mengesyorkan langkah-langkah pemulihan untuk diambil oleh Pegawai Penguasa bagi membantu kontraktor menyiapkan kerjanya; atau

ii) bagi projek sakit yang dikenal pasti kontraktornya tidak berupaya menyiapkan kerjanya, Kementerian akan memperakukan kepada Pegawai Yang Dinamakan dalam kontrak untuk penamatan kontraktor selaras dengan syarat-syarat kontrak dan melantik kontraktor penyiap bagi projek yang ditamatkan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Selain itu, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) bagi mengadakan lawatan ke atas projek-projek yang bermasalah bagi mencari jalan penyelesaian terhadap isu dan masalah yang dihadapi diperingkat pelaksanaan projek tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH  
[ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menaikkan gaji dan faedah-faedah lain bagi hakim-hakim di negara ini untuk membawa mereka setanding dengan hakim-hakim di Singapura. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN : YB HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan terakhir kepada perubahan gaji dan elaun-elaun seperti Elaun Keraian, Elaun Khas Kehakiman, Imbuan Tetap Perumahan dan Elaun Pembantu Rumah bagi Hakim-Hakim Mahkamah Atasan telah dilaksanakan pada 1 Januari 2009.

2. Satu Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menyemak semula gaji dan menambah baik skim perkhidmatan hakim mahkamah atasan untuk lebih kompetitif bagi menarik pengamal undang-undang yang berkaliber menyertai badan kehakiman. Cadangan jawatankuasa itu kelak akan dibawa untuk pertimbangan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN**  
**MOHD JARJIS**  
**KAWASAN : ROMPIN**  
**TARIKH : 7 APRIL 2014, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS (ROMPIN)**  
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-

- (a) kedudukan terkini mengenai pembangunan jalan utama dari Muadzam-Keratong-Bahau dan Jalan Segamat-Gambang-Kuantan yang telah diumumkan oleh Kementerian; dan
- (b) statistik kemalangan maut/parah mengikut rekod bagi tempoh 5 tahun kebelakangan (2008 -2013) bagi jalan-jalan di atas.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

(a)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan projek menaik taraf Jalan Persekutuan 12 (FT 12) dari Gambang, Pahang ke Segamat, Johor dalam Rolling Plan ke-4 (2013-2014), RMKe-10. Skop projek ini melibatkan naik taraf jalan sedia ada dengan reka bentuk piawaian JKR, R5 – iaitu melibatkan satu daripada empat pakej keseluruhan (Gambang ke Chini) sepanjang 47 km dengan anggaran kos projek sebanyak RM340 juta. Kos keseluruhan untuk menaiktaraf FT 12 Gambang ke Segamat ialah dianggarkan sebanyak RM2.34 bilion.

Pada masa kini pihak kontraktor yang dilantik secara reka dan bina untuk projek ini sedang melaksanakan kerja-kerja reka bentuk terperinci. Pelaksanaan fizikal projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2015. Manakala projek menaik taraf Jalan Muadzam – Bandar Tun Razak (Keratong) – Bahau ialah projek baru yang akan dipohon dalam tempoh Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan jumlah kemalangan maut/parah di laluan FT 12 (Gambang – Segamat) untuk tempoh 5 tahun terakhir (2008 – 2013) ialah sebanyak 166 kes dengan jumlah kematian seramai 174 orang.

Manakala jumlah kemalangan maut/parah di Jalan Bahau - Keratong untuk tempoh 5 tahun terakhir (2008 – 2013) ialah melibatkan 88 kes dengan jumlah kematian seramai 77 orang.

Sekian. Terima kasih.